



DR MOHD ZOHADIE mencuba perisian pejabat maya PutraNet dan Sistem Pengurusan Rangkaian-Integrasi Nota Kuliah Talian Terus yang dipamerkan sempena pelancaran Dasar Teknologi Komunikasi Maklumat UPM.

UPM jamin keselamatan maklumat sulit laman web

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memberi jaminan pangkalan data membabitkan maklumat mengenai pelajar dan kakitangannya tidak mudah diceroboh secara online kerana sistem elektroniknya mempunyai perisian keselamatan berpanca (multiple).

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata semua maklumat yang dianggap sulit diletakkan dalam pelayan (server) berpusat UPM yang mempunyai sistem komunikasi sehala, iaitu pelayan itu hanya boleh menerima maklumat tetapi tidak boleh mengeluarkan data.

Selain komunikasi sehala dan sistem keselamatan berpanca, katanya, maklumat dalam pelayan berkenaan hanya boleh dicapai dari dalam universiti.

"Data membabitkan maklumat kewangan universiti, akaun pelajar, keputusan peperiksaan dan

data lain yang dianggap sulit diletakkan dalam 'central server'.

"Pegawai Teknologi Maklumat (IT) universiti ini menjalankan pemantauan sepanjang masa untuk mengelakkan sebarang pencekrohan secara elektronik.

"Setakat ini, kita tidak mengesan sebarang cubaan untuk menceroth sistem maklumat sulit dan data ini dijamin selamat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) UPM dan Peraturan 2003 di Serdang, Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian laman web Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (Pekka) di bawah universiti itu yang digodam (hacked) Rabu minggu lalu.

Hingga semalam, laman web di URL www.pekka.upm.edu.my tidak mempunyai sebarang imej atau maklumat lain, sebaliknya hanya terdapat mesej daripada penggodam yang

menggunakan nama Reko-CLaN.

Sementara itu, Ketua, Bahagian IT UPM, Rosmi Othman, berkata laman web Pekka dan beberapa institut lain di UPM diletakkan dalam pelayan berasingan daripada pelayan laman web utama universiti itu.

Katanya, pelayan berkenaan juga tidak bersambung dengan pelayan berpusat yang menempatkan data UPM yang dianggap sulit.

Beliau menjelaskan, setiap laman web institut atau pusat tanggungjawab UPM yang lain dibina dan dipantau oleh web master mereka sendiri.

"Walaupun setiap pusat tanggungjawab mempunyai Pegawai IT mereka sendiri, Bahagian IT UPM mengadakan pertemuan dengan mereka secara berkala. Ini bagi memastikan semua sistem dan maklumat sentiasa kemas kini dan selamat.

"Kami akan menyiasat sebab laman web Pekka yang diceroboh sejak seminggu lalu ini belum dipu-

likhan," katanya.

Ditanya mengenai rungutan bahawa Bahagian IT banyak menutup port, iaitu titik data boleh masuk dan keluar dari rangkaian yang ingin dicapai oleh pelajar, Rosmi berkata, port yang ditutup itu membabitkan capaian ke laman web pornografi, sembang atau muzik.

Katanya, penutupan port berkenaan bertujuan mengurangkan beban terhadap lebar jalur (bandwidth) UPM kerana saluran rangkaian berkenaan juga digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Beliau berkata, kebanyakan pelajar menggunakan port berkenaan untuk memuat-turun lagu dan imej hingga menyebabkan capaian Internet untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran menjadi perlahan.

"Tahun ini, kita juga akan mengadakan lokasi capaian tanpa wayar untuk pelajar yang mempunyai kemudahan laptop atau PDA (pembantu peribadi digital)," katanya.